

# Jangan hanya duduk di pejabat - MB

>>> *Lihat muka P14*

Perlu bijak merancang dan mencari idea yang relevan dengan perkembangan ekonomi



Adnan (tengah) dan Khalil bersama Ahli Lembaga Pengarah PASDEC pada Majlis Santapan & Jamuan Malam Sepuluh Tahun Penyenaraian PASDEC, semalam.

**KUANTAN** - Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob mahu pengurusan syarikat-syarikat yang berurusan dengan kerajaan lebih proaktif dan tidak hanya duduk di pejabat tetapi keluar mencari peluang perniagaan bagi menjana pendapatan yang lebih tinggi pada masa depan.

Beliau berkata, pengurusan seperti

PASDEC Holding Berhad perlu bijak merancang dan mencari idea yang relevan dengan perkembangan ekonomi kini untuk meneburi bidang yang belum ditapakai supaya dapat menjadi perintis dalam bidang terbaru.

"Kemajuan dan perkembangan ekonomi PASDEC bukan sahaja bergantung pada lembaga pengarah semata-mata ma-

lah pengurusan sokongan juga perlu bijak 'membaca' pasaran semasa dalam bidang perniagaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Santapan Dan Jamuan Malam Sepuluh Tahun Penyenaraian PASDEC di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah Sempena Ulang Tahun Keputeraan Sultan Pahang, semalam.